

# MEMORIAL TUN HUSSEIN ONN DIRASMIKAN PADA 10 FEBRUARI 2006

**KETUA** Pengarah Arkib Negara, Dato' Hajah Rahani Bt Jamil, yang akan bersara pada bulan April ini mengumumkan dengan bangganya bahawa Memorial Tun Hussein Onn, iaitu memorial bagi bekas Perdana Menteri ke-3 yang meninggal dunia pada 28 Mei 1990 semasa menjalani pembedahan jantung di San Fransisco ketika berusia 68 tahun, akan dirasmikan pembukaannya pada 10 Februari 2006 jam 3.00 petang. Perasmian itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri; Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Memorial Tun Hussein Onn yang terletak di Jalan Dato' Onn iaitu bersebelahan dengan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah bekas pejabat Perdana Menteri yang pernah digunakan oleh Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ia telah diubahsuai untuk dijadikan memorial bagi mengingati bekas



Allahyarham Tun Hussein Onn duduk bersama dengan almarhum Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Berdiri di belakang dari kiri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Datin Paduka Zaleha Ismail; Datuk Mohamed Yaacob; Tengku Ahmad Rithaudeen; Datuk Jaafar Hassan; Tan Sri Syed Nasir; Datuk Wan Mokhtar Ahmad; Datuk Hamzah Abdul Samah dan Dato' Mustapha Jabar. Gambar ini dirakamkan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1980 di Kuala Lumpur Hilton dan ia dipetik dari buku *Faces in The Corridors Of Power* yang diterbitkan oleh Datuk Dr. Rais Yatim.

Perdana Menteri ke-3 itu.

Mengenang kembali kisah di kala mana Tun Hussein Onn menerima berita sedih tentang kepergian Tun Abdul Razak di London, beliau tidak dapat menahan emosinya. Beliau menangis teresak-esak tanpa segan silu di khalayak ramai ketika menyambut ketibaan jenazah Allahyarham Tun Razak di Lapangan Terbang, Subang pada bulan Januari, 1976.

Sudah tentunya Memorial Tun Hussein Onn yang di tunggu-tunggu perasmianannya akan mendapat sambutan yang baik dari orang ramai.